



شجابة شعارة تانه دان كالبين ترغكانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,  
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU.

55  
Telefon : 0 9-6231957 samb. 2700 – 2706  
3100 – 3114  
Fax : 09-6229887

PTG.TR.G/05/1988/06/02 - (53)

13 Januari 1997.  
04 Ramadhan 1417.

Semua Pentadbir Tanah,  
Negeri Terengganu.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1997

PENYAMPAIAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KERAJAAN  
NEGERI, ARAHAN-ARAHAH, PEKELILING-PEKELILING  
SERTA MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING KEPADA  
KAKITANGAN JABATAN

1. TUJUAN:

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan untuk memberi peringatan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah tentang pentingnya maklumat-maklumat yang diterima seperti keputusan-keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri, keputusan Mesyuarat Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri serta keputusan Jawatankuasa-Jawatankuasa lain yang berkaitan disampaikan kepada semua Penolong-Penolong Pentadbir Tanah, Pembantu-Pembantu Tadbir Kanan serta Pembantu-Pembantu Tadbir yang berurusan secara langsung kepada perkara yang dibangkitkan.

1.2 Adalah diharapkan melalui arahan ini akan dapat mengelakkan masalah tindakan yang tidak diambil oleh kakitangan berkenaan disebabkan maklumat tidak disampaikan. Dengan itu juga kesilapan yang sering berlaku berulangkali akan dapat dikurangkan. Seterusnya pengurusan yang lebih licin dan berkesan akan dapat dihasilkan.

2. **MENYEDIAKAN SALINAN DAN CABUTAN MAKLUMAT:**

2.1 Dalam kaitan ini, Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah disarankan supaya membuat salinan atau cabutan kepada maklumat yang perlu disampaikan dan membahagikannya kepada kakitangan terlibat. Adalah penting keputusan-keputusan mesyuarat peringkat negeri diedarkan kepada semua Penolong-Penolong Pentadbir Tanah dan unit-unit berkaitan serta memberi penekanan (high light) kepada isu-isu penting.

3. **PENERANGAN DALAM MESYUARAT PAGI DAN  
MESYUARAT PENGURUSAN JABATAN:**

3.1 Adalah disarankan juga supaya maklumat yang terkandung dalam pekeliling atau arahan diberi penerangan oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam Mesyuarat Pagi atau Mesyuarat Pengurusan Jabatan. Ini adalah bagi memastikan maklumat disampaikan secara langsung serta diberi pemahaman sewajarnya.

4. TINDAKAN SUSULAN:

- 4.1 Sebagai tindakan susulan, Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah membuat semakan dari semasa ke semasa bagi memastikan arahan dan prosedur yang dikeluarkan dipatuhi. Segala pekeliling dan arahan juga perlu disimpan dengan kemas dan teratur bagi memudahkan rujukan.

5. PENUTUP:

- 5.1 Dengan keluarnya arahan ini adalah diharapkan semua Pentadbir-Pentadbir Tanah dapat memberi perhatian serta mengambil tindakan sebagaimana diarahkan.
- 5.2 Arahan ini adalah juga bagi mengganti dan memansuhkan Pekeliling Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu Bil. 5/1969 bertarikh 7hb. Jun 1969.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

  
(DATO' RAKNA BIJAYA)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

03-6222

133-nua

04-nuad

Edaran:

1. Pentadbir Tanah Besut.
2. Pentadbir Tanah Dungun.
3. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Marang.
7. Pentadbir Tanah Setiu.

s.k.

1. Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan,  
Terengganu.
2. Ketua Pengarah Tanah dan Galian,  
Persekutuan.
3. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
4. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Teknologi Maklumat).
5. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pentadbiran & Latihan).
6. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pentadbiran Tanah).
7. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pembangunan Tanah).
8. Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Kuatkuasa).
9. Fail Timbul.

NA/rar.  
arah 197 disk 1E.